

**YANG BERBAHAGIA DATO' SERI AMAR DIRAJA DATO' SERI DIRAJA
TAN SRI HAJI OSMAN BIN HAJI AROFF**

SESI TEMUBUAL PADA 08 MAC 2018

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg Tan Sri, saya Muhammad Lukman Bin Harun, Pustakawan Kanan UniSHAMS ingin menemubual YBhg Tan Sri untuk pengisian bahan di dalam Galeri.

- S. *Apakah faktor yang menginspirasi YBhg Tan Sri untuk menubuhkan Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) walaupun tidak mampu menjana sebarang keuntungan kepada pihak Kerajaan Negeri?*
- J. **Inspirasi atau idea untuk menubuhkan Institut Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) timbul setelah sekian lama berbincang di kalangan pemimpin dan alim ulama Negeri Kedah, antaranya Allahyarham Dato' Murshid DiRaja Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Bin Mohd. Noor, mantan Mufti Negeri Kedah kerana memikirkan Negeri Kedah suatu masa dahulu telah berjaya mengeluarkan ramai alim ulama dari pondok-pondok. Alim ulama ini kemudiannya berhijrah ke Makkah dan Mesir dan telah menjadi ternama atas ilmu dan kepakaran mereka dalam bidang agama.**

Itulah yang menginspirasi kita supaya kita menyusun semula sistem pendidikan Islam di Negeri Kedah supaya lebih teratur, tersusun dan sistematik. Kita berpendapat, Negeri Kedah patut menjadi negeri yang mengeluarkan pemimpin-pemimpin agama yang berpendidikan tinggi. Masa itu hanya fikir sekolah agama untuk hantar pelajar ke luar negara, tak perlu hanya tumpu kepada hal ehwal agama sahaja tetapi perlu lebih luas, tubuh jawatankuasa untuk tubuh INSANIAH.

Sebagai Pengerusi Majlis INSANIAH...

Untuk tubuh pusat pengajian tinggi Islam kerana Kedah adalah pusat pengajian Islam, ada cadangan supaya diadakan hubungan dengan Universiti Al-Azhar, Mesir, beberapa sesi lawatan ke Universiti Al-Azhar diadakan, akhirnya setuju untuk tubuhkan INSANIAH. 3 bidang pengajian iaitu Usuluddin, Syariah dan Bahasa Arab. Kerjasama yang dijalin dengan Universiti Al-Azhar menjadikan Kedah @ Malaysia adalah negara pertama yang diterima oleh Universiti Al-Azhar untuk menjalin hubungan. Saya sangat berbangga di atas kejayaan ini.

- S. *Apakah kekangan, cabaran atau masalah yang dihadapi ketika awal penubuhan INSANIAH? Adakah mendapat tentangan atau bantahan daripada pihak lain?*

Cabaran utama yang dihadapi apabila semua urusan adalah baru bagi kita. Cabarannya memang banyak bagaimanapun saya bernasib baik sebab mendapat bantuan daripada Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Osman Bin Ishak, merupakan bekas pelajar Universiti Al-Azhar dan sedang bertugas di Brunei ketika itu. Saya telah menghubungi beliau dan meminta supaya beliau balik ke Kedah untuk membantu menguruskan INSANIAH. Semua masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan mudah berikutan mendapat kerjasama baik daripada semua pihak. Masalahnya ialah menempatkan Kampus INSANIAH – pihak Kerajaan Negeri Kedah telah memberi jaminan untuk sama-sama wujud INSANIAH sehingga berjaya ke tahap yang tertinggi.

S. *Sebagai pengasas sebuah institusi pendidikan tinggi, adakah YBhg Tan Sri pernah terfikir dan yakin bahawa INSANIAH akhirnya menjadi sebuah universiti penuh?*

J. **Memang memberikan perasaan yang amat gembira setelah lihat perkembangan dari Institit Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH) kepada Kolej Universiti INSANIAH dan kepada universiti penuh. Memang itulah hasrat dari awal penubuhan pada tahun 1994 hingga 2018. Masa perjalanan kita dapat lihat perkembangan dalam pendidikan dan graduan dari memberi sumbangan kepada negeri dan negara.**

Sesungguhnya saya amat berbangga kerana cita-cita dan hasrat dari awal telah tercapai dan saya harap pihak yang mentadbir sekarang sebuah universiti iaitu UniSHAMS. Saya berharap tiada yang lain supaya universiti ini terus berkembang dan mampu menghasilkan graduan yang holistic yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan dan kejayaan negara dan juga negeri.

Kurikulum universiti juga perlu disusun dengan baik supaya graduan dapat memberi sumbangan kepada ugama dan negara. Pengurusan universiti perlu ditadbir dengan baik. Graduan dan kurikulum yang diguna dapat membina negara. Menjadi rakyat dan pemimpin yang berguna kepada agama dan bangsa.

Buka peluang kepada pelajar negara lain ini dapat kembangkan hubungan yang baik di peringkat antarabangsa di samping itu, pelajar ini dapat peluang hidup dan belajar di Malaysia. Penuntut adalah pemimpin negara di masa akan datang.

S. *Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, adalah insan yang sangat mengambil berat berkaitan INSANIAH di samping Almarhum adalah Canselor Pertama INSANIAH, apakah YBhg Tan Sri mendapat limpah perkenan Almarhum untuk menubuhkan INSANIAH.*

J. **Perasaan Almarhum Tuanku kepada INSANIAH, ketika urusan penubuhan INSANIAH, saya telah menyembah maklum kepada Almarhum Tuanku dan Almarhum Tuanku sangat berminat dan turut memberi pendapat.**

Saya sentiasa menyembah maklum Almarhum Tuanku dan memberi laporan perkembangan INSANIAH dan Almarhum memberi sokongan sepenuhnya dan sangat berbangga atas penubuhan INSANIAH.

S. *Bagaimanakah penerimaan ibubapa ketika awal penubuhan INSANIAH kerana seperti kita sedia maklum, ibubapa lebih suka menghantar anak-anak belajar di Universiti Al-Azhar, Mesir yang tersohor serta ramai tenaga pengajar yang berkaliber berbanding belajar di dalam negara.*

J. **Tiada sebarang masalah kerana rakyat Negeri Kedah menerima dengan sepenuh hati dan bagi sokongan yang sangat kuat kerana ini adalah merupakan satu saluran besar yang dibuka kepada anak-anak Kedah, bagaimanapun anak-anak luar Kedah juga turut diberi peluang untuk belajar di INSANIAH. Memberi semangat**

Persaingan adalah sesuatu yang baik, bagaimanapun ia terletak kepada pihak pentadbiran. Banyak universiti menjadi persaingan yang sihat. Universiti ini dijadikan universiti yang unik dalam sesuatu bidang. Berlawan untuk kebaikan. Semua orang yang mentadbir tahu kepada matlamat dan tujuannya. Kena fokus

dan tekankan. Jangan ada masalah ditimbulkan melainkan untuk tambah baik pentadbiran. Jika UIA boleh berjaya UniSHAMS juga mesti berjaya. Hendaklah ada keikhlasan dan kejujuran dalam pentadbiran, jangan ada agenda lain.

- S. Apakah harapan YBhg Tan Sri kepada pengurusan UniSHAMS dan juga graduan yang tamat belajar dari UniSHAMS?
- J. **Nasihat saya kepada Pengurusan UniSHAMS, saya berharap semoga UniSHAMS dapat ditadbir dengan baik dan sempurna dan penuh dedikasi oleh pihak pentadbiran sama ada dari atas hingga ke peringkat bawah.**

Nasihat kepada mahasiswa adalah supaya pelajar yang mendapat peluang melanjutkan pengajian di universiti dalam apa jua bidang dapat berjaya dengan cemerlang. Menjadi graduan yang baik bukan sahaja menuntut ilmu tetapi juga dapat memberi sumbangan untuk kukuhkan Islam dan kukuhkan negara. Jangan libatkan diri dalam politik kampus. Jangan guna isu-isu politik dalam universiti. Fokus untuk dapat ilmu, nanti setelah tamat belajar, boleh fokus kepada apa-apa bidang yang diminati, hatta bidang politik sekalipun. Politik dalam kampus akan menjejaskan tumpuan kepada pengajian.

- S. *Bolehkah YBhg Tan Sri kongsi peristiwa paling manis sepanjang YBhg Tan Sri menjadi Pengerusi Majlis (Lembaga Pengarah) INSANIAH?*
- J. **Kenangan manis saya, apabila dapat melihat penubuhan INSANIAH sehingga naik taraf kepada UniSHAMS. Saya bimbang jika pentadbiran negeri bertukar, saya telah berjumpa dengan Allahyarham Ustaz Azizan semasa PAS mentadbir Negeri Kedah dan meminta supaya PAS dapat menjaga INSANIAH dan saya berbangga kerana Allahyarham bersungguh-sungguh membangunkan INSANIAH**

Apabila Kerajaan Negeri bertukar pentadbiran pada tahun 2008, saya telah menemui YAB Ustaz Azizan Abdul Razak, Menteri Besar Kedah ketika itu dan memohon pertolongan beliau supaya menjaga kebijakan INSANIAH. Pada mulanya saya tersangat bimbang sekiranya permohonan saya tidak dipertimbangkan, bagaimanapun kebimbangan saya itu ternyata meleset Alhamdulillah hasrat itu diteruskan. Ustaz Azizan telah melakukan suatu usaha yang baik dengan membina Kampus Kuala Ketil dengan belanja yang besar.

Dia berani untuk wujudkan sebuah kampus kerana pembinaan kampus ini menelan belanja yang besar. Saya sentiasa berdoa semoga Allah SWT sentiasa memberi rahmatNya atas tujuan yang baik, untuk kebaikan agama Islam.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berharap universiti ini terus berkembang dan mencapai matlamatnya hingga terkenal ke seluruh dunia.